

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah
Sent: Thursday, 13 July, 2017 1:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Kamarudin B Ahmad; Prof. Madya Dato' Dr. Nuraini Binti Yusoff
Subject: SLCP-UNS SEPAKAT JALIN KERJASAMA DUA HALA



**PUSAT PENGAJIAN
BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH**
SCHOOL OF LANGUAGES, CIVILISATION & PHILOSOPHY
Universiti Utara Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan,



Berita dan gambar oleh: SLCP

SLCP-UNS SEPAKAT JALIN KERJASAMA DUA HALA

SLCP ONLINE: Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) dan Universiti Sebelas Maret (UNS), Indonesia telah bersepakat untuk mengadakan jalinan kerjasama dalam bidang penyelidikan selepas mengadakan pertemuan mesra antara kedua universiti itu di Bilik Baiduri, SLCP, baru-baru ini.

SLCP telah diketuai Prof Madya Dato' Dr Nuraini Yusoff, manakala delegasi UNS diketuai Naib Pengerusi Senat UNS, Prof Dr Sahid Teguh Widodo bersama Drs Supardjo M Hum, Wakil Dekan Bidang Kemahasiswaan dan Alumni Fakulti Ilmu Budaya UNS.

Prof Dr Sahid yang merupakan alumni UUM membincangkan tentang peluang-peluang untuk menjalankan penyelidikan bersama dengan menggunakan geran penyelidikan UNS, selain merancang untuk menghasilkan penerbitan artikel dalam Jurnal Scopus.

Selain itu, UNS juga berminat untuk membawa pensyarah dan pelajar mereka ke Internasional Seminar of Islam, Culture and Heritage Social-Political and Economic Issue 2017 anjuran SLCP pada 30 dan 32 Oktober 2107 selepas persetujuan diambil untuk mengadakan seminar bersama dan bengkel untuk penerbitan.

Prof Madya Dato' Dr Nuraini berkata, pertemuan itu telah mengukuhkan lagi hubungan antara kedua universiti dan secara tidak langsung mengukuhkan hubungan antarabangsa melibatkan Malaysia dan Indonesia.

Menurutnya, beliau berharap kerjasama dengan UNS akan berterusan, tambahan pihak UNS turut mengalu-alukan kehadiran pensyarah UUM ke sana.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH (SLCP)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 049285701/5703/5706/5584
FAKS: 049285709/5616



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.